

Strategi Pembelajaran Bahasa Kedua Melalui Program Kebudayaan: Kajian Terhadap Pelajar Bahasa Arab Tahap Satu di UTHM

Open
Access

Second Language Learning Strategies Through Cultural Program: A Study of First-Year Arabic Students at UTHM

Nurulisyazila Othaman^{1,*}, Sarala@Thulasi Palpanadan¹, Yeoh Li Cheng¹, Norashikin Abdul Hamid¹,
Junko Hiyama¹, Irmawati Norazman²

¹ Pusat Pengajian Bahasa, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), 86400 Parit Raja, Batu Pahat, Johor, Malaysia

² Fakulti sains sosial & kemanusiaan, Universiti Teknologi Malaysia Johor Bahru (UTM JB), 81310 Skudai, Johor Bahru, Johor, Malaysia

ARTICLE INFO

Article history:

Received 21 December 2018

Received in revised form 5 March 2019

Accepted 2 July 2019

Available online 31 July 2019

ABSTRACT

Kajian ini dijalankan untuk mengenalpasti gaya dan strategi pembelajaran bahasa kedua iaitu bahasa Arab tahap satu di UTHM melalui program kebudayaan. Subjek bahasa Arab tahap satu di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) merupakan satu daripada subjek elektif wajib bagi pelajar UTHM. Kajian ini bersifat kuantitatif dan borang soal selidik digunakan dalam mendapatkan data yang diperlukan. Seramai 48 pelajar UTHM yang telah mengambil subjek Bahasa Arab Tahap 1 menjadi responden dalam kajian ini. Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk melihat gaya dan strategi pembelajaran bahasa kedua, dalam konteks pembelajaran Bahasa Arab Tahap 1 di UTHM. Pelajar-pelajar terdiri daripada pelajar fakulti kejuruteraan berumur dalam lingkungan 20 hingga 25 tahun. Data kajian diperoleh selepas pelajar menjalani program kebudayaan melalui soalan kaji selidik dan dianalisis melalui sistem spss untuk melihat kekerapan dan peratusan gaya serta strategi pembelajaran bahasa kedua selepas menyertai program kebudayaan dan satu kumpulan responden yang tidak menyertai program kebudayaan. Analisis gaya pembelajaran adalah berdasarkan 4 kemahiran iaitu; membaca, menulis, mendengar dan manakala pada strategi pembelajaran data dianalisis berdasarkan 6 bahagian sub kategori strategi pembelajaran; ingatan, kognitif, tampungan, metakognitif, afektif dan sosial. Soalan kaji selidik adalah berdasarkan kategori tersebut. Dapatan menunjukkan kedua-dua kumpulan responden terdiri daripada pelajar kejuruteraan yang tiada latar belakang pendidikan terhadap bahasa kedua tersebut mengamalkan gaya pembelajaran secara bertutur serta gemar menggunakan strategi afektif dalam pembelajaran bahasa kedua.

This study was conducted to identify the style and strategies of second language learning which is Arabic level one at UTHM through cultural programs. The first level Arabic language course at Tun Hussein Onn University Malaysia (UTHM) is one of the compulsory elective subjects for UTHM students. This study is quantitative and the questionnaire form is used to obtain the required data. A total of 48 UTHM students who took Level 1 Arabic subjects were the respondents in this study. The purpose of this study was to look at the style and strategies of second language learning, in the context of Level 1 Arabic language learning at UTHM. Students are students of engineering

* Corresponding author.

E-mail address: syazila@uthm.edu.my (Nurulisyazilna Othaman)

faculty aged 20 to 25 years. Study data were obtained after students underwent a cultural program through questionnaire and analyzed through the SPS system to see the frequency and percentage of second language learning styles and strategies after participating in the cultural program and one group of respondents who did not participate in the cultural program. Learning style analysis is based on 4 skills; reading, writing, listening and while on data learning strategies are analyzed based on 6 sub-categories of learning strategies; memory, cognitive, rewarding, metacognitive, affective and social. The survey questions are based on those categories. The findings show that both groups of respondents consisting of engineering students who have no background in the second language practice a learning style of speaking and are fond of using affective strategies in second language learning.

Keywords:

Gaya pembelajaran, strategi pembelajaran, bahasa kedua, kebudayaan

Learning styles, learning strategies, second language, culture

Copyright © 2019 PENERBIT AKADEMIA BARU - All rights reserved

1. Pengenalan

Pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab semakin diminati di kalangan pelajar-pelajar sama ada di kalangan peringkat rendah sehingga di peringkat menara gading. Di Malaysia, salah sebuah institusi pengajian tinggi dan merupakan universiti teknikal, iaitu Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) juga turut menawarkan sekurang-kurangnya 7 bahasa pilihan sebagai kursus elektif dan diletakkan di bawah Pusat Pengajian Bahasa. Bahasa Arab merupakan salah satu bahasa yang ditawarkan di UTHM. Justeru, graduan yang akan memasuki alam pekerjaan seharusnya melengkapi diri mereka dengan pelbagai kemahiran, antaranya kemahiran bahasa kedua ini sebagai senjata untuk bersaing mendapatkan jawatan yang dikehendaki. Pembelajaran bahasa kedua ini juga penting agar para graduan suatu hari nanti dapat bersaing dalam menghadapi cabaran global dunia pekerjaan sebenar.

Dalam kajian ini satu program kebudayaan diadakan bagi mengukur strategi pembelajaran bahasa kedua; bahasa Arab. Program ini dijalankan di bawah Jabatan Bahasa Antarabangsa. Pelajar-pelajar ditugaskan untuk membuat persembahan kebudayaan menggunakan bahasa Arab.

Berdasarkan CLO (Course Learning Outcome) yang digariskan oleh pihak Universiti, pelajar harus mempunyai kemahiran bahasa antarabangsa mencakupi keupayaan berkomunikasi dan kemahiran insaniah yang berfokus kepada kreativiti, pemikiran kritis dan kemahiran kerja berkumpulan. Secara umumnya, program ini merupakan idea daripada program tahunan Jabatan Bahasa Antarabangsa, Pusat Pengajian Bahasa, UTHM yang kebiasaannya diadakan secara gabungan semua kursus bahasa antarabangsa pada semester 1.

Pembelajaran bahasa kedua melalui program kebudayaan sebagai salah sebuah institusi pengajian tinggi awam, mempunyai beberapa tujuan. Antaranya adalah;

1. merupakan salah satu atribut yang menyokong aspirasi pelajar yang mana ia menekankan kepada penguasaan bahasa global tambahan selain bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua. (Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 Pendidikan Tinggi)
2. membangunkan penyelidikan dalam pelbagai aspek terutamanya dalam strategi pembelajaran bahasa kedua serta keberkesanan mempelajari bahasa kedua.
3. program kebudayaan ini mampu menonjolkan bakat dan kreativiti pelajar dan seterusnya dijangka dapat membantu mengenalpasti strategi pembelajaran bahasa kedua.

2. Pernyataan Masalah

Mempelajari sesuatu kursus yang berlainan bidang dan di luar pemikiran latar belakang pendidikan memberi cabaran yang besar kepada pelajar jurusan kejuruteraan dan juga guru bahasa. Pelajar hanya berkomunikasi dengan bahasa sasaran dalam konteks yang terhad iaitu hanya di dalam kelas dan bersama guru bahasa tersebut. Pelajar mempunyai peluang yang sedikit untuk mempraktikkan bahasa sasaran dengan penutur natif bahasa tersebut. Pendedahan yang terbatas dalam melatih pelajar dalam mempelajari bahasa kedua akan memberi kesukaran kepada pelajar dalam menguasai bahasa tersebut. Pelajar UTHM yang majoriti terdiri daripada pelajar tempatan juga berkemungkinan tidak yakin dalam menggunakan asas bahasa kedua yang telah dipelajari dalam kehidupan seharian mereka.

Guru bahasa dan para pelajar mempunyai strategi dalam pembelajaran sesuatu bahasa kedua bagi memastikan kelancaran dan penguasaan dalam pembelajaran bahasa kedua. Roshidah [28] menyatakan bahawa cara dan kaedah yang digunakan dalam pembelajaran dinamakan sebagai gaya dan strategi pembelajaran. Gaya dan strategi pembelajaran yang diamalkan oleh seseorang kadangkala berlaku tanpa disedari oleh individu tersebut. Zamri, Kamiliah dan Wan Muna Ruzanna [37] berpendapat bahawa bagi membantu memantapkan lagi keberkesanan pembelajaran, adalah penting bagi pelajar mengenal pasti strategi dan gaya pembelajaran mereka.

3. Tinjauan Literatur

Waktu dan ketika ini, pembelajaran bahasa kedua menjadi salah satu kelebihan atau boleh dikira sebagai satu nilai tambah kepada para pelajar khususnya di universiti. Namun, persekitaran pendidikan dan kehidupan di negara Malaysia tidak membantu para pelajar dalam mempelajari bahasa kedua. Ini adalah kerana masyarakat Malaysia bukanlah terdiri dari kalangan penutur asal bahasa kedua yang dipelajari oleh pelajar khususnya di universiti. Kajian yang berkaitan dengan pembelajaran bahasa kedua juga telah mengkaji pelbagai faktor yang telah dihipotesiskan dan menjelaskan kepelbagaian dalam cara pelajar mempelajari bahasa kedua. Antara yang pernah dijelaskan oleh Skehan [31] ialah melalui bakat, motivasi gaya kognitif dan strategi pembelajaran. Menurut Cohen [4] dan Chamot [3] konteks situasi pembelajaran mungkin mempunyai pengaruh yang kuat dalam pemilihan strategi pembelajaran bahasa. Oleh itu, kajian ini adalah untuk mengkaji keberkesanan penggunaan strategi pembelajaran bahasa kedua dan kesan program kebudayaan dalam strategi pembelajaran bahasa kedua.

i) Pembelajaran bahasa kedua

Penguasaan bahasa pertama berlaku secara semula jadi semenjak kecil lagi. Pada tahap ini, pengetahuan bahasa diperolehi secara tidak langsung atau tidak formal di rumah. Menurut Kamarudin Hj. Husin [39]:

“Mereka dapat menguasai bahasa itu dengan cara ‘memperoleh’ bukan melalui proses pembelajaran. Mereka hanya perlu didedahkan kepada bahasa ibunda mereka dan secara tidak disedari mereka akan pandai dengan sendirinya menggunakan bahasa itu.”

Berbeza keadaannya dengan pembelajaran bahasa kedua, bahasa kedua perlu penguasaan dan dipelajari secara formal. Selain itu, pembelajaran bahasa kedua memerlukan latihan dan pengulangan beserta praktikal. Menurut Kamarudin Hj. Husin [39], maksud bahasa kedua *“adalah*

bahasa yang kedua dipelajari oleh seseorang itu di samping bahasa kandung yang dia peroleh. Bahasa kedua ini adalah bahasa asing yang dipelajari untuk tujuan-tujuan tertentu.”

Proses penguasaan bahasa kedua pada peringkat awal kanak-kanak mungkin sama dengan proses penguasaan bahasa pertama. Namun, proses penguasaan bahasa kedua selepas peringkat awal kanak-kanak mengalami cara yang berbeza dengan proses mendapat pengetahuan bahasa pertama. Hal ini ditegaskan oleh Brown [40]:

“Adult, more cognitively secure, appear to operate from the solid foundation of the first language and thus manifest more interference.”

ii) Gaya dan strategi pembelajaran bahasa kedua

Pengertian strategi diterapkan dalam dunia pendidikan. Sebagaimana menurut Ensiklopedia Pendidikan, strategi adalah ‘the art of bringing forces to the battle field in favourable position’. Dalam pengertian ini strategi adalah satu seni, iaitu seni berpasukan semasa berperang dalam kedudukan yang boleh memberi kebaikan.

Strategi pembelajaran adalah kaedah atau teknik belajar yang diguna pakai oleh seseorang. Beberapa kategori strategi pembelajaran yang dikemukakan dalam bidang pembelajaran bahasa kedua atau bahasa asing [24].

Oxford [26] melihat strategi pembelajaran sebagai tindakan, langkah atau teknik tertentu yang digunakan oleh pelajar bagi meningkatkan pembelajarannya sendiri. Oxford [24] membahagikan strategi pembelajaran kepada enam sub-kategori iaitu; strategi ingatan, strategi kognitif, strategi tampungan, strategi metakognitif, strategi afektif dan strategi sosial.

Gaya pembelajaran ialah pendekatan umum kepada pembelajaran dan bergantung kepada ciri-ciri kognitif, afektif dan perlakuan seseorang. Felder [11] berpendapat bahawa gaya pembelajaran adalah cara bagaimana seseorang individu memperolehi, menguasai dan menyimpan maklumat. Setiap individu mempunyai sesuatu gaya pembelajaran tersendiri yang mungkin lebih dominan daripada gaya yang lain.

Gaya pembelajaran yang diamalkan oleh seseorang pelajar dapat membantu beliau menguasai sesuatu yang dipelajari dengan lebih berkesan. Hartley [13] melihat gaya pembelajaran sebagai cara atau kaedah semulajadi yang digemari oleh seseorang individu apabila berhadapan dengan sesuatu tugas. Beliau berpendapat bahawa gaya pembelajaran adalah sesuatu tindakan yang bersifat automatik yang dipilih oleh pelajar.

Kajian dalam bidang ini dikembangkan lagi dengan melihat hubungan antara gaya pembelajaran dan strategi pembelajaran seperti kajian yang dijalankan oleh Ehrman dan Oxford [24], Ehrman, Leaver dan Oxford [8] dan Wong dan Nunan [34]. Gan, Humphreys dan Hamp-Lyons [12] membandingkan strategi yang digunakan oleh pelajar China yang mempelajari bahasa Inggeris sebagai bahasa asing antara pelajar yang berjaya dengan pelajar yang tidak berjaya. Mereka mendapati bahawa pelajar yang berjaya menggunakan lebih banyak strategi berbanding pelajar yang tidak berjaya. Kajian Zamri et al. [37] juga mendapati terdapat hubungan yang kuat antara strategi pembelajaran dan prestasi pelajar. Oxford [13] menegaskan bahawa gaya dan strategi pembelajaran seseorang pelajar juga mempunyai kaitan langsung dengan gaya dan strategi pengajaran dan bahan pengajaran. Gaya dan strategi pembelajaran boleh bergerak selari atau bertentangan dengan kaedah dan strategi pengajaran. Sekiranya gaya dan strategi pembelajaran bergerak selari dengan gaya dan strategi pengajaran, pelajar akan lebih berjaya dan lebih berkeyakinan dalam pembelajarannya. Sebaliknya, jika berlaku pertembungan, pelajar akan hilang keyakinan diri dan mengalami keresahan dalam pembelajarannya. Kajian oleh pengkaji-pengkaji di Malaysia seperti Fa'izah, Zamri dan Mohamed Amin [10], Yong dan Vijayaletchumy [36] dan Zamri et al. [37] juga melihat terdapat

hubungan antara strategi pembelajaran pelajar dan strategi pengajaran yang digunakan oleh guru. Mereka melihat bahawa proses pengajaran dapat diperbaiki jika strategi pembelajaran dikenal pasti.

iii) Bahasa dan kebudayaan

Para ahli antropologi melihat adanya hubungan antara bahasa dan kebudayaan. Baik hubungan timbal balik, saling mempengaruhi, atau hubungan yang lebih menentukan yang bersifat satu arah; kebudayaan mempengaruhi bahasa atau sebaliknya. Levi Strauss memilih menggunakan model-model pendekatan linguistik. Linguistik menjadi pilihan Levi dan para ahli antropologi lainnya dalam menganalisis kebudayaan kerana:

1. Bahasa yang digunakan oleh suatu masyarakat dianggap sebagai refleksi dari kebudayaan masyarakat bersangkutan.
2. Bahasa adalah bahagian dari kebudayaan atau bahasa merupakan salah satu unsur dari kebudayaan.
3. Bahasa merupakan kondisi bagi kebudayaan.

Pendidikan berasaskan budaya (*culture based education*) merupakan mekanisme yang memberikan peluang bagi setiap orang untuk memperkaya ilmu pengetahuan dan teknologi melalui pembelajaran seumur hidup. Pembelajaran berasaskan budaya merupakan pembelajaran yang meintegrasikan budaya dalam proses pembelajaran serta salah satu bentuknya adalah menekankan belajar dengan budaya. Belajar dengan budaya dapat menjadikan pelajar tidak terasing dari pendidikan budaya serta meningkatkan apresiasi pelajar terhadap budaya tempatan. Pembelajaran berasaskan budaya juga merupakan pembelajaran yang bersifat konstruktif.

Pembelajaran berasaskan budaya adalah berdasarkan kepada penerangan terhadap budaya sebagai bahagian yang paling asas bagi pendidikan, ekspresi dan komunikasi suatu gagasan, serta perkembangan pengetahuan. Seterusnya Sutarno menjelaskan bahawa pembelajaran berasaskan budaya sangat bermanfaat bagi pentafsiran proses dan hasil pembelajaran bagi pelajar untuk mendapatkan pengalaman belajar yang menyeluruh dan bahan pembelajaran untuk memahami konsep ilmu pengetahuan dalam budaya pembelajaran yang dimiliki.

Dalam pembelajaran berasaskan budaya, budaya menjadi sebuah kaedah bagi pelajar untuk mentransformasikan hasil pemerhatian mereka ke dalam bentuk-bentuk dan prinsip-prinsip yang kreatif tentang alam. Dengan demikian, melalui pembelajaran berasaskan budaya, pelajar bukan sekadar meniru dan atau menerima saja informasi yang disampaikan, tetapi pelajar menciptakan makna, pemahaman, dan erti dari maklumat yang diperolehinya.

Pembelajaran berasaskan budaya merupakan salah satu cara yang dijangkakan dapat (1) menjadikan pembelajaran bermakna dan menyeluruh yang berkaitan dengan masyarakat budaya, di mana suatu bidang ilmu dipelajari dan akan diterapkan kemudiannya, dan dengan masyarakat budaya dari mana kita berasal. (2) menjadikan pembelajaran menarik dan menyenangkan. Suasana belajar yang berkemungkinan terjadinya penciptaan makna secara kontekstual berdasarkan pada pengalaman awal sebagai seorang anggota suatu masyarakat budaya. Hal ini seiring dengan pemikiran aliran konstruktif.

Justeru memahami keberkaitan antara bahasa dan budaya amat penting dalam pengajaran bahasa kedua dan bahasa asing. Menurut Liddicoat, Scarino & Kohler [41], bahasa tidak semata-mata struktural, namun juga komunikatif dan bersifat sosial.

Kajian yang melibatkan strategi pembelajaran BM oleh pelajar Perancis masih belum pernah dijalankan. Pelajar-pelajar yang mempelajari BM di luar negara mungkin mempunyai gaya dan strategi pembelajaran yang berbeza dengan strategi yang digunakan oleh pelajar yang mempelajari bahasa sasaran di negara penutur bahasa tersebut. Perbezaan budaya dan latar belakang juga mungkin mempengaruhi gaya dan strategi pembelajaran yang dipilih oleh pelajar. Kajian Reid [42]

menunjukkan bahawa pelajar Korea lebih cenderung kepada gaya visual sedangkan pelajar Hispanik lebih cenderung kepada gaya auditori. Oleh yang demikian, kajian ini cuba mengisi jurang yang terdapat dalam bidang kajian gaya dan strategi pembelajaran ini.

4. Tujuan Kajian

Kajian bertujuan untuk mengenal pasti gaya dan strategi pembelajaran melalui program kebudayaan yang digunakan oleh pelajar kejuruteraan dalam menguasai kemahiran bahasa kedua dalam iaitu bahasa Arab.

Kajian ini akan cuba menjawab soalan-soalan kajian berikut;

1. Apakah gaya pembelajaran yang kerap diamalkan oleh pelajar kejuruteraan di UTHM?
2. Apakah strategi pembelajaran yang sering digunakan oleh pelajar kejuruteraan di UTHM?

5. Metodologi Kajian

5.1 Responden Kajian

Responden kajian terdiri daripada dua puluh (48) orang pelajar Melayu yang mengambil Jurusan Kejuruteraan di UTHM, Malaysia. Mereka merupakan pelajar tahun pertama, kedua, ketiga dan keempat, Sarjana Muda. Semua responden menuturkan bahasa Melayu sebagai bahasa ibunda mereka. Melihat kepada sistem pendidikan di UTHM yang mewajibkan semua pelajar mempelajari sekurang-kurangnya satu bahasa asing, maka kesemua responden menguasai sekurang-kurangnya dua bahasa sama ada secara lisan atau bertulis. Responden berumur antara 20 hingga 22 tahun. Had umur 20 hingga 22 adalah kerana pada kebiasaan di UTHM pelajar yang mengambil kursus bahasa asing adalah dalam lingkungan umur tersebut. Responden juga mempunyai objektif dan motivasi pembelajaran yang pelbagai, yang merangkumi mempelajari bahasa untuk tujuan kerjaya, mengenali budaya penutur, untuk tujuan melancong. Selain itu terdapat juga responden yang menyenaraikan tujuan mereka mempelajari bahasa kedua iaitu bahasa Arab adalah untuk menambah bilangan bahasa yang dikuasai dan mempelajari maksud al Quran.

5.2 Instrumen Kajian

Instrumen kajian terdiri daripada soal selidik yang telah diubahsuai (rujuk Lampiran 1). Soal selidik disediakan dalam bahasa Melayu dan mengandungi dua puluh soalan (rujuk terjemahan dalam Lampiran 1). Kategori strategi pembelajaran yang dikemukakan oleh Oxford [24] dan kategori gaya pembelajaran Christison [5] digunakan sebagai panduan dalam merangka soalan-soalan soal selidik ini. Soalan-soalan yang dikemukakan adalah bertujuan untuk mendapatkan maklumat yang berkaitan dengan latar belakang pelajar dan juga mengenal pasti jenis strategi pembelajaran dan gaya pembelajaran yang digunakan oleh mereka setelah mengikuti satu program kebudayaan. Soalan 1 hingga 7 merupakan soalan yang berkaitan dengan latar belakang subjek iaitu jantina, umur, tahun pengajian dan bahasa yang dikuasai dan sedang dipelajari oleh pelajar. Seterusnya Soalan 8 merujuk kepada tujuan subjek mempelajari bahasa asing dan Soalan 9 untuk melihat berapa banyak masa yang diperuntukkan oleh subjek untuk membuat ulang kaji bahasa yang dipelajari.

Soalan-soalan yang berkaitan dengan strategi pembelajaran terdapat dalam Soalan 10, 11, 12, 13, 14 dan 20. Setiap soalan mempunyai objektif untuk mengenal pasti sama ada strategi pembelajaran mengikut kategori Oxford ini digunakan oleh responden atau tidak.

Soalan 10 menekankan penggunaan strategi ingatan dalam mempelajari kosa kata bahasa sasaran. Soalan 11 memberi fokus kepada penggunaan strategi tampungan, Soalan 12 menekankan

strategi kognitif, Soalan 13 mengenal pasti sama ada terdapat penggunaan strategi sosial atau tidak dan seterusnya Soalan 14 dan 20 menekankan penggunaan strategi metakognitif dan afektif dalam kalangan responden.

Soalan 16 hingga 19 pula bertujuan untuk mengenal pasti gaya pembelajaran yang diamalkan oleh pelajar dalam pembelajaran mereka. Setiap soalan dalam soal selidik ini diberikan kepada pelajar setelah mereka menyertai satu program kebudayaan dan tugas yang tiada kaitan dengan kebudayaan selain telah dibahagikan mengikut jenis kemahiran bahasa iaitu kemahiran membaca, menulis, mendengar dan bertutur.

5.3 Pengumpulan Data

Data dikumpul daripada 48 orang pelajar Melayu jurusan kejuruteraan dan mengambil kursus bahasa Arab sebagai salah satu kursus wajib di UTHM. Sebelum soal selidik diedarkan, seramai 24 orang pelajar dikehendaki turut serta dalam sebuah program kebudayaan yang mana mewajibkan mereka membuat sebuah persembahan kebudayaan yang berkaitan dengan bahasa Arab. Mereka juga diberi pilihan samada untuk mengambil bahagian atau tidak. Seramai 24 orang pelajar yang tidak menyertai program kebudayaan akan dipilih untuk menjadi kumpulan kawalan, mereka dibenarkan untuk menjalani aktiviti lain. Kedua-dua kumpulan responden diminta mengisi borang soal selidik. Selain daripada soal selidik, data juga diperolehi melalui tindak balas aktif secara tidak formal bersama pelajar dan guru yang terlibat sepanjang program berlangsung.

5.4 Analisis Data

Data dianalisis dengan kaedah pengiraan kekerapan dan peratusan. Kekerapan dan peratusan gaya dan strategi pembelajaran diambil kira untuk melihat gaya dan strategi pembelajaran yang manakah yang paling kerap dipilih oleh responden selepas menjalani program kebudayaan. Dalam analisis ini juga, kiraan angka bulat paling hampir akan diambil kira.

Analisis gaya pembelajaran bahasa kedua mempunyai tiga kategori gaya berdasarkan Christison [5] dan juga dibina berasaskan empat kemahiran bahasa iaitu kemahiran mendengar, bertutur, membaca, dan menulis. Manakala analisis strategi pembelajaran pula diambil kira berdasarkan Oxford [24] yang membawa kepada dapatan kajian.

6. Dapatan Kajian

Dapatan kajian ini akan menghuraikan data kuantitatif berkenaan gaya dan strategi pembelajaran. Selain itu, kajian ini juga akan melihat perbandingan antara dua bahagian responden yang terlibat; kumpulan eksperimen dan kumpulan kawalan, iaitu bahagian responden yang telah menjalani program kebudayaan dan yang tidak menjalani program kebudayaan.

Terdapat seramai 48 orang pelajar sebagai responden dalam kajian ini yang terdiri daripada pelajar kaum Melayu. Pelajar- pelajar ini terdiri daripada pelajar tahun 1 hingga 4 dan berasal daripada pelbagai fakulti kejuruteraan. Mereka mempelajari bahasa Arab tahap satu sebagai kursus wajib diambil sekali sahaja sepanjang tempoh pengajian sarjana muda.

Daripada pemerhatian sepanjang program kebudayaan berlangsung, pelajar yang pasif di dalam kelas bahasa Arab dilihat lebih aktif menggunakan bahasa Arab sebagai pertuturan asas bagi menjayakan program tersebut.

Dari segi gaya pembelajaran, hasil kaji selidik selepas para pelajar menjalani program kebudayaan, kebanyakan responden dari kalangan kumpulan eksperimen telah memilih gaya

pembelajaran secara bertutur untuk pembelajaran bahasa kedua mereka. Manakala, kumpulan kawalan juga turut memilih gaya pembelajaran bertutur. Perbezaan jumlah kekerapan bagi jawapan untuk soalan tentang kemahiran bertutur iaitu sebanyak 1.79 bagi kumpulan eksperimen dan 2.2917 bagi kumpulan kawalan. Daripada jawapan yang diberikan oleh responden kumpulan eksperimen, sebanyak 54.2% memilih gaya reflektif iaitu bercakap setelah berfikir apa yang telah pasti apa yang ingin mereka katakan supaya mereka lebih berkeyakinan bertutur menggunakan bahasa kedua di hadapan khalayak ramai. Manakala kumpulan kawalan memilih gaya impulsif iaitu berani bercakap walaupun melakukan kesilapan. Ini adalah kerana mereka dikehendaki membuat satu video lakonan pendek sebelum menjawab soalan kaji selidik ini, jadi responden wajib mencuba walaupun berkemungkinan salah. Responden juga percaya bahawa belajar melalui kesilapan adalah salah satu proses pembelajaran. Kekerapan paling sedikit dipilih oleh kedua-dua kumpulan responden adalah gaya pembelajaran melalui kemahiran menulis iaitu 1.25 bagi kumpulan eksperimen dan 1.3750 oleh kumpulan kawalan. Ini menunjukkan para pelajar lebih gemar kepada gaya pembelajaran secara aktif di samping mereka juga fokus terhadap tujuan pembelajaran utama bahasa Arab kepada mereka adalah untuk berkomunikasi.

Jadual 1

Soalan berkaitan kemahiran bertutur bagi kumpulan eksperimen

Q18. Apakah cara yang digemari untuk melatih kemahiran bertutur?

	kekerapan	peratus
A. Saya tidak akan bercakap dengan mudah	13	54.2
B. Saya mudah bercakap kerana idea datang dengan sendiri dan tidak takut melakukan kesilapan	7	29.2
D. Tiada cara tertentu	4	16.7
Total	24	100.0

Jadual 2

Soalan berkaitan kemahiran bertutur bagi kumpulan kawalan

CQ18. Apakah cara yang digemari untuk melatih kemahiran bertutur?

	kekerapan	peratus
A. Saya tidak akan bercakap dengan mudah	5	20.8
B. Saya mudah bercakap kerana idea datang dengan sendiri dan tidak takut melakukan kesilapan	12	50.0
C. Saya tidak tahu	2	8.3
D. Tiada cara tertentu	5	20.8
Total	24	100.0

Jadual 3

Jumlah kekerapan mengikut setiap kemahiran

Gaya Pembelajaran		Min
Mendengar	Kumpulan eksperimen	1.46
	Kumpulan kawalan	1.4583
Membaca	Kumpulan eksperimen	1.38
	Kumpulan kawalan	1.4583
Bertutur	Kumpulan eksperimen	1.79
	Kumpulan kawalan	2.2917
Menulis	Kumpulan eksperimen	1.25
	Kumpulan kawalan	1.3750

Dari segi strategi pembelajaran pula, soalan 10, 11, 12, 13, 14 dan 20 soal selidik (Lampiran 1), bertujuan untuk mengenal pasti apakah strategi yang digunakan oleh pelajar yang mengambil kursus bahasa Arab tahap satu di UTHM. Setiap soalan memberi fokus kepada enam sub-kategori strategi Oxford [24]. Pengkelasan strategi yang berbeza dibuat mengikut jenis tugas yang dilakukan oleh pelajar. Kumpulan eksperimen terdiri dari kalangan pelajar yang turut serta dalam program kebudayaan Arab manakala kumpulan fokus adalah terdiri dari kalangan pelajar yang tidak turut serta dalam program tersebut. Hasil kaji selidik mendapati kebanyakan responden dari kalangan kumpulan eksperimen telah memilih strategi pembelajaran afektif untuk pembelajaran bahasa kedua mereka. Manakala, kumpulan kawalan juga turut memilih strategi pembelajaran afektif. Jumlah kekerapan bagi jawapan untuk soalan tentang strategi afektif iaitu sebanyak 6.17 bagi kumpulan eksperimen dan 6.0417 bagi kumpulan kawalan. Afektif ialah berkaitan nilai, sikap, minat, keprihatinan, mempunyai pertimbangan, menghargai warisan, dan mempunyai sahsiah yang baik. Ia memberi satu kesan atau perubahan dalam seseorang atau sesuatu. Strategi ini dapat dilihat dari soalan 20 yang mana menekankan tanggapan dan perasaan responden mengenai pencapaian mereka dalam mempelajari bahasa kedua. Jawapan yang diberikan oleh responden kumpulan eksperimen, sebanyak 58.3% memilih pembelajaran bahasa kedua adalah satu pencapaian dalam kehidupan mereka. Ini adalah kerana berkemungkinan responden merasa berbangga dan berpuas hati kerana dapat mempraktikkan bahasa Arab bukan sekadar di dalam kelas atau di hadapan guru mereka sahaja tetapi mereka dapat mempraktikkan bahasa tersebut di hadapan orang ramai di luar kelas sewaktu program dijalankan. Selain itu mereka juga dapat menambah keyakinan dalam bertutur bahasa Arab di hadapan orang awam. Responden kumpulan kawalan dengan peratusan tertinggi sebanyak 54.2% turut memilih mempelajari bahasa kedua adalah suatu pencapaian dalam hidup mereka kerana berkemungkinan mereka juga menganggap kejayaan mereka menghasilkan tugas iaitu video pendek tersebut sebagai suatu pencapaian kerana video tersebut dihasilkan oleh usaha mereka sendiri untuk mempelajari bahasa kedua.

Kekerapan paling sedikit dipilih oleh kedua-dua kumpulan responden adalah strategi pembelajaran tampungan iaitu 1.29 bagi kumpulan eksperimen dan 1.00 oleh kumpulan kawalan. Oxford [24] telah membahagikan strategi tampungan dalam berkomunikasi lisan kepada lapan bentuk strategi yang lebih khusus antaranya adalah mendapatkan bantuan. Strategi tampungan adalah strategi yang memerlukan pelajar meneka makna kosa kata dengan bijak tanpa bergantung kepada penggunaan kamus sebagai bantuan. Melalui hasil kaji selidik ini mendapati kebanyakan pelajar memilih penggunaan kamus penting untuk mereka dalam mempelajari bahasa kedua. Kumpulan eksperimen sebanyak 83.3% dan kumpulan kawalan 100% menjawab kamus penting untuk mereka dalam mempelajari bahasa kedua. Ini berkemungkinan disebabkan oleh latar belakang pendidikan responden yang bukan dari kalangan pelajar jurusan atau fakulti bahasa.

Jadual 4

Jumlah kekerapan mengikut enam sub-kategori strategi Oxford [24]

Strategi Pembelajaran		Min
Strategi Ingatan	Kumpulan eksperimen	2.67
	Kumpulan kawalan	3.0833
Strategi Tampungan	Kumpulan eksperimen	1.29
	Kumpulan kawalan	1.0000
Strategi Kognitif	Kumpulan eksperimen	3.50
	Kumpulan kawalan	3.3750
Strategi Sosial	Kumpulan eksperimen	3.46
	Kumpulan kawalan	3.9167
Strategi Metakognitif	Kumpulan eksperimen	2.50
	Kumpulan kawalan	2.2083
Strategi Afektif	Kumpulan eksperimen	6.17
	Kumpulan kawalan	6.0417

Jadual 5

Soalan berkaitan strategi afektif bagi kumpulan eksperimen

Q20. Anda merasakan yang pembelajaran bahasa anda selalunya :

	kekerapan	peratus
D. Tidak memuaskan	3	12.5
E. Memuaskan	4	16.7
F. Sangat memuaskan	3	12.5
G. Satu pencapaian	14	58.3
Total	24	100.0

Jadual 6

Soalan berkaitan strategi afektif bagi kumpulan kawalan

CQ20. Anda merasakan yang pembelajaran bahasa anda selalunya :

	kekerapan	peratus
D. Tidak memuaskan	3	12.5
E. Memuaskan	6	25.0
F. Sangat memuaskan	2	8.3
G. Satu pencapaian	13	54.2
Total	24	100.0

Jadual 7

Soalan berkaitan strategi tampungan (kekerapan paling sedikit) bagi kumpulan eksperimen

Q11. Adakah kamus penting dalam pembelajaran bahasa asing?

	kekerapan	peratus
A. Ya.	20	83.3
B. Tidak.	1	4.2
C. Penting pada awal pembelajaran tetapi ditinggalkan secara sedikit demi sedikit	3	12.5
Total	24	100.0

Jadual 8

Soalan berkaitan strategi tampungan (kekerapan paling sedikit) bagi kumpulan kawalan
CQ11. Adakah kamus penting dalam pembelajaran bahasa asing?

	kekerapan	peratus
A. Ya.	24	100.0

7. Kesimpulan

Kajian ini telah Berjaya mengenal pasti gaya dan strategi pembelajaran bahasa kedua tahap satu pelajar UTHM. Selain itu, kajian ini juga dapat memperlihatkan sama ada pembelajaran bahasa kedua melalui program kebudayaan mempunyai kesan atau sebaliknya terhadap gaya dan strategi pembelajaran bahasa kedua. Rumusan kajian ini mendapati gaya pembelajaran bahasa kedua yang kerap digunakan oleh pelajar tahap satu di UTHM adalah berbentuk pertuturan. Hasil dapatan ini berbeza dengan dapatan kajian Roshidah [28] yang telah dijalankan terhadap pelajar Perancis dalam pembelajaran bahasa Melayu. Beliau menunjukkan pelajar Perancis lebih memilih gaya berbentuk visual. Dalam dapatan strategi pembelajaran pula, pelajar tahap satu di UTHM menggunakan strategi pembelajaran afektif yang mana kedua-dua kumpulan responden memilih pembelajaran bahasa kedua ini adalah satu pencapaian dalam hidup mereka kerana mereka menganggap kejayaan mereka menggunakan bahasa kedua dalam program kebudayaan dan tugas mereka merupakan satu kejayaan luar biasa untuk pelajar kejuruteraan yang juga bukan dari kalangan jurusan bahasa. Seterusnya membuktikan gaya dan strategi pembelajaran mempunyai hubungan yang saling berkaitan seperti pendapat Ehrman dan Oxford [7], Ehrman, Leaver dan Oxford [8], Oxford [24], dan Wong dan Nunan [34]. Selain itu, kajian ini jelas membuktikan program kebudayaan dan tugas yang diberikan kepada pelajar masing-masing mempunyai kesan yang sama iaitu membina keyakinan pelajar dalam pembelajaran bahasa kedua bukan hanya tertumpu dalam kuliah di dalam kelas semata-mata.

Guru perlu memahami strategi pembelajaran pelajar. Dengan memahami strategi pembelajaran yang pelajar cenderung, guru dapat memilih kaedah dan tugas yang sesuai dalam membantu pelajar menguasai bahasa kedua. Selain itu, proses pembelajaran dan pengajaran sesuatu bahasa kedua bagi pelajar bukan jurusan bahasa bergantung kepada alat bantuan seperti kamus amat penting. Sekiranya proses pembelajaran berlaku tanpa bantuan kamus pelajar sukar untuk mempelajari bahasa kedua ini. Ini juga adalah kerana pelajar-pelajar ini hanya yakin bertutur dengan tatabahasa dan bahasa yang diyakini betul sahaja. Kajian ini mungkin dapat dikembangkan lagi pada masa hadapan dengan melihat hubung kait antara gaya dan strategi yang digunakan dengan proses pembelajaran.

Diharapkan dapatan ini dapat sedikit sebanyak membantu guru bahasa di universiti teknikal atau kejuruteraan dalam mengenal pasti kaedah dan strategi pengajaran yang boleh diguna pakai untuk mengajar bahasa kedua kepada pelajar kejuruteraan walaupun kajian ini menggunakan jumlah responden yang kecil.

Penghargaan

Penulis ingin merakamkan ucapan penghargaan kepada Dr. Zulida binti Abdul Kadir, Pn. Siti Hajar binti Bidin dan Cik Nurul Sabrina binti Zan di atas bantuan dan kerjasama dalam menjalankan kajian ini. Penghargaan juga ditujukan kepada Universiti Tun Hussein Onn UTHM atas tajaan yang diberikan.

Rujukan

- [1] Zubairi, Ainol Madziah, and Isarji Hj Sarudin. "Motivation to learn a foreign language in Malaysia." *GEMA Online® Journal of Language Studies* 9, no. 2 (2009).
- [2] Cassidy*, Simon. "Learning styles: An overview of theories, models, and measures." *Educational psychology* 24, no. 4 (2004): 419-444.
- [3] Chamot, Anna Uhl. "Language learning strategy instruction: Current issues and research." *Annual review of applied linguistics* 25 (2005): 112-130.
- [4] Cohen, Andrew D. *Strategies in learning and using a second language*. Routledge, 2014.
- [5] Christison, M. A. Learning Styles and Strategies. Dlm D. Nunan (Ed.). *Practical English Language Teaching*. New York: McGraw Hill, 2003.
- [6] Ehrman, Madeline. "Second language learning difficulties: Looking beneath the surface." *Thousand Oaks, GA: Sage*(1996).
- [7] Ehrman, Madeline, and Rebecca Oxford. "Adult language learning styles and strategies in an intensive training setting." *The modern language journal* 74, no. 3 (1990): 311-327.
- [8] Ehrman, Madeline E., Betty Lou Leaver, and Rebecca L. Oxford. "A brief overview of individual differences in second language learning." *System* 31, no. 3 (2003): 313-330.
- [9] Embi, Mohamed Amin, and Zamri Mahamod. "Kerangka pembangunan dan penilaian modul belajar cara belajar bahasa melayu pelajar asing institusi pengajian tinggi Malaysia." *Asean Journal of Teaching and Learning in Higher Education* 2, no. 2 (2010): 64-76.
- [10] Fa'izah Abd. Manan, Zamri Mahamod & Mohamed Amin Embi. (2011). Strategi Pembelajaran Bahasa Melayu Pelajar Asing. Dlm. Zamri Mahamod, Jamalul Lail Abdul Wahab & Mohammed Sani Ibrahim (Pnyt.). *Transformasi dan Inovasi dalam Pendidikan* (hlm. 399-418). Bangi: Penerbitan Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- [11] Felder, Richard M., and Eunice R. Henriques. "Learning and teaching styles in foreign and second language education." *Foreign language annals* 28, no. 1 (1995): 21-31.
- [12] Gan, Zhengdong, Gillian Humphreys, and Liz Hamp-Lyons. "Understanding successful and unsuccessful EFL students in Chinese universities." *The modern language journal* 88, no. 2 (2004): 229-244.
- [13] Hartley, James. *Learning and studying: A research perspective*. Routledge, 2008.
- [14] Rashed, Hazem. "The evolutions of interest and beliefs about Arabic as a foreign language: a case study on three Western learners." *Education* 134, no. 1 (2013): 50-61.
- [15] Jafarigohar, Manoochehr. "Text difficulty effect on metacognitive reading strategy use among EFL learners." *GEMA Online® Journal of Language Studies* 14, no. 2 (2014).
- [16] Ihromi, Tapi O. *Pokok-pokok antropologi budaya*. Yayasan Obor Indonesia, 1999.
- [17] Teh, Kamarul Shukri Mat, Mohamed Amin Embi, Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff, and Zamri Mahamod. "Strategi Metafizik: Kesenambungan Penerokaan Domain Strategi Utama Pembelajaran Bahasa Language Portfolio In Turkey." *GEMA Online® Journal of Language Studies* 9, no. 2 (2009).
- [18] Kusumohamidjojo, Budiono, and Siti Jamilah. *Filsafat kebudayaan: proses realisasi manusia*. Jalasutra, 2009.
- [19] Alias, Norlidah, Fuziah Rosman, Mohd Nazri Abd Rahman, and Dorothy Dewitt. "The potential of video game in Malay language learning for foreign students in a public higher education institution." *Procedia-Social and Behavioral Sciences* 176 (2015): 1020-1027.
- [20] Amzah, Normalis, Natsue Hieda, and Mimiko Nezu. "Penyerapan unsur budaya dalam pembelajaran bahasa Jepun." *GEMA Online® Journal of Language Studies* 12, no. 2 (2012).
- [21] O'malley, J. Michael, Michael J. O'Malley, Anna Uhl Chamot, and J. Michael O'Malley. *Learning strategies in second language acquisition*. Cambridge university press, 1990.
- [22] Ortega, L. (2009). *Sequence and Processes in Language Learning*, in M. H. Long and J. Doughty (eds) *Handbooks of Second and Foreign Language Teaching*, Malden, MA: Wiley-Blackwell.
- [23] Oxford, Rebecca, and Martha Nyikos. "Variables affecting choice of language learning strategies by university students." *The modern language journal* 73, no. 3 (1989): 291-300.
- [24] Oxford, Rebecca. "Language learning strategies." *New York* 3 (1990).
- [25] Oxford, *Language learning strategies: What every teacher should know*. Rowleys: Newsbury House, 1990.
- [26] Oxford, Rebecca L., Mary Evelyn Holloway, and Diana Horton-Murillo. "Language learning styles: Research and practical considerations for teaching in the multicultural tertiary ESL/EFL classroom." *System* 20, no. 4 (1992): 439-456.
- [27] Oxford, Rebecca L. "Language learning styles and strategies: Concepts and relationships." *Iral* 41, no. 4 (2003): 271-278.

- [28] Hassan, Roshidah. "Gaya dan Strategi Pembelajaran Bahasa Melayu dalam Kalangan Pelajar Perancis (Malay Language Learning Styles and Strategies among French Students)." *GEMA Online® Journal of Language Studies* 17, no. 1 (2017).
- [29] Roohani, Ali, and Shiva Asiabani. "Effects of self-regulated strategy development on EFL learners' reading comprehension and metacognition." *GEMA Online® Journal of Language Studies* 15, no. 3 (2015).
- [30] Siti Hajar Bidin, Rosmahalil Azrol Abdullah, Hiyama Junko. (2018). Kesan Motivasi Dalam Pembelajaran Bahasa Kedua Mendorong Penguasaan Bahasa Jepun Dengan Lebih Cepat Dan Berkesan: Kajian Terhadap Pelajar Bahasa Jepun Tahap Satu Di Uthm. *Prosiding Persidangan Antarabangsa Kelestarian Insan 2017 (Insan 2017)*
- [31] Skehan, Individual difference in second language learning. London: Edward Arnolds, 1989.
- [32] Krahnke, Karl J. "Principles and practice in second language acquisition." (1983): 300-305.
- [33] Ahmad, Wan Azura Wan, Lubna Abd Rahman, Zainal Abidin, and Ahmad Fazullah Mohd. "Kecenderungan Psikologi Pelajar Di Institusi Pengajian Tinggi Terhadap Pembelajaran Bahasa Arab: Kajian Di Kalangan Pelajar Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)= the Inclination of Students' Psychology towards the Learning of Arabic at Institutions of Higher Education..." *Ulūm Islāmiyyah Journal* 197, no. 1559 (2013): 1-34.
- [34] Wong, Lillian LC, and David Nunan. "The learning styles and strategies of effective language learners." *System* 39, no. 2 (2011): 144-163.
- [35] Chye, Yong Chyn, Siti Saniah Abu Bakar, Chan Tze-Haw, and Vijayalecthomy Subramaniam. "Strategi Pelajar Antarabangsa Belajar Bahasa Melayu di Instutusi Pengajian Tinggi." In *Proceeding of The 4th International Conference on Teacher Education*, pp. 366-378. 2010.
- [36] Yong Chyn Chye & Vijayalecthomy Subramaniam. "Strategi Pembelajaran Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Asing dalam Kalangan Mahasiswa Antarabangsa di IPTS Malaysia." *Jurnal Bahasa* 26 (2012): 120-133.
- [37] Mahamod, Zamri, Jamaludin Badusah, Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff, Mohamed Amin Embi, and Sharala Subramaniam. "Penggunaan dan Kekekapan Strategi Pembelajaran Bahasa Melayu dalam Kalangan Pelajar Warganegara Asing." *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu* 4, no. 2 (2016): 25-35.
- [38] MAHAMOD, ZAMRI, KAMILIAH AYU AB GHANI, and WAN MUNA RUZANNA WAN MOHAMMAD. "PENGGUNAAN STRATEGI PEMBELAJARAN BAHASA MELAYU DALAM KALANGAN MURID CINA BERDASARKAN SIKAP DAN KEMAHIRAN BAHASA (Malay Language Learning Strategies Use Among Chinese Student Through Attitude and Language Skills)." *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu* 6, no. 1 (2016): 38-51.
- [39] Husin, Kamaruddin Hj. *Pedagogi bahasa (perkaedahan)*. Kumpulan Budiman, 1998.
- [40] Brown, Steven R. *Political subjectivity: Applications of Q methodology in political science*. Yale University Press, 1980.
- [41] Liddicoat, Anthony. "Report on Intercultural Language Learning, Report to the Australian Government Department of Education Science and Training." PhD diss., Australian Government Department of Education Science and Training.
- [42] Reid, Joy M. "The learning style preferences of ESL students." *TESOL quarterly* 21, no. 1 (1987): 87-111.

Lampiran 1

Kajian Pembelajaran Bahasa Asing

Soal selidik ini bertujuan untuk mengetahui motivasi, strategi dan gaya pembelajaran bahasa asing. Sila jawab atau tandakan jawapan yang sesuai dengan anda.

Jika anda perlukan penerangan lanjut tentang soalan tertentu, anda boleh bertanya kepada penyelidik.

* Required

Q1. Jantina:

- Lelaki
- Perempuan

Q2. Berapa umur anda?

- 19
- 20
- 21
- 22
- Other:

Q3. Fakulti : *

- FKAAS
- FKMP
- FKEE
- FPTV
- FPTP
- FSKTM

Q4. Seksyen

- 6
- 7
- 9
- 10

Q5. Tahun pengajian?

- 1
- 2
- 3
- 4

Q6. Bahasa-bahasa yang dipelajari di sekolah?

- Bahasa Arab
- Bahasa Mandarin
- Bahasa Jepun

- Bahasa Jerman
- Bahasa Sepanyol
- Bahasa Perancis
- Lain – lain

Q7. Berapa bahasa yang dikuasai?

- 1
- 2
- 3
- lebih daripada 3 bahasa

Q8. Anda mempelajari bahasa untuk tujuan...

- A. Untuk melancong dan bertemu orang lain.
- B. Untuk tujuan peribadi (keluarga, pasangan...).
- C. Kerana minat kepada ilmu.
- D. Untuk persediaan kehidupan professional.
- E. Untuk memperbaiki kerjaya.
- F. Untuk tinggal di luar Negara.
- Other:

Q9. Berapa banyak masa diperuntukkan setiap hari untuk belajar bahasa?

- A. Saya tidak mempunyai masa untuk belajar setiap hari.
- B. 10 minit.
- C. 30 minit.
- D. 1 jam.

Q10. Bagaimana anda mempelajari kosa kata bahasa asing?

- A. Saya menghafal dengan mengulang secara mental dengan bersungguh-sungguh
- B. Saya menghafal dengan menulis secara berulang kali
- C. Saya belajar hasil daripada melihat perkataan tersebut secara kerap tanpa usaha tertentu
- D. Saya belajar dengan mengaitkannya dengan bahasa lain
(Contoh bahasa inggeris, sepanyol dll.)
- E. Saya mempunyai keupayaan untuk menguasai kosa kata tanpa perlu berusaha keras
- F. Saya tidak mempunyai cara tertentu untuk mempelajari kosa kata
- Other:

Q11. Adakah kamus penting dalam pembelajaran bahasa asing?

- A. Ya
- B. Tidak
- C. Penting pada awal pembelajaran tetapi ditinggalkan secara sedikit demi sedikit apabila telah menguasai bahasa tersebut.

Q12. Apakah sumber utama dalam pembelajaran bahasa asing?

- A. Buku teks dalam bahasa sasaran
- B. Buku teks dalam bahasa Arab
- C. Pelajaran dalam kelas
- D. Media (filem, televisyen, radio, surat khabar dll.)
- E. Berhubung secara autentik dengan penutur natif
(Kawan-kawan penutur natif, di kafeteria, majlis keramaian pelajar dll.)
- F. Internet (MSN, forum, laman web, etc.)
- G. Barangan dalam kehidupan harian (pembalut barangan yang dibeli, poster publisiti, dll.)
- Other:

Q13. Bagaimanakah cara yang biasa diambil untuk menunjukkan ketidakfahaman apa yang dipelajari?

- A. Bertanya dengan mencelah guru secara terus
- B. Saya mengangkat tangan dan menunggu sehingga guru memberi respon
- C. Saya bertanya kepada guru secara bersendirian selepas kelas
- D. Saya menulis emel kepada guru
- E. Saya bertanya kepada kawan-kawan sekelas
- F. Saya mencari jawapan dari sumber lain seperti internet, buku, kamus dll.
- G. Saya tidak mengambil sebarang tindakan
- H. Lain-lain cara.

Q14. Adakah anda menetapkan objektif dalam pembelajaran anda?

- A. Ya, untuk jangka pendek
- B. Ya, untuk jangka panjang
- C. Ya, untuk jangka pendek dan jangka panjang
- D. Tidak

Q15. Jika ya, adakah anda berjaya mencapai objektif tersebut?

- A. Ya
- B. Tidak

Q16. Apakah cara yang anda gemar untuk melatih kemahiran mendengar?

- A. Apabila mendengar rakaman, saya gemar membaca transkrip bahan yang didengar
- B. Cukup sekadar mendengar rakaman
- C. Saya tidak tahu
- D. Tiada cara tertentu

Q17. Apakah cara yang digemari untuk melatih kemahiran membaca?

- A. Saya mencuba untuk memahami setiap patah perkataan dalam teks
- B. Saya cuba untuk memahami secara keseluruhan teks
- C. Saya tidak tahu

D. Tiada cara tertentu

Q18. Apakah cara yang digemari untuk melatih kemahiran bertutur?

- A. Saya tidak akan bercakap dengan mudah dan saya hanya akan bercakap apabila benar-benar pasti apa yang akan diucapkan itu bernas
- B. Saya mudah bercakap kerana idea datang dengan sendiri dan tidak takut melakukan kesilapan
- C. Saya tidak tahu
- D. Tiada cara tertentu

Q19. Apakah cara yang digemari untuk melatih kemahiran menulis?

- A. Saya memberi perhatian kepada ketepatan setiap perkataan dan setiap ayat
- B. Saya memberi lebih perhatian kepada kesinambungan keseluruhan teks yang dihasilkan
- C. Saya tidak tahu
- D. Tiada cara tertentu

Q20. Anda merasakan yang pembelajaran bahasa anda selalunya:

- A. Satu malapetaka
- B. Satu kegagalan
- C. Mengecewakan
- D. Tidak memuaskan
- E. Memuaskan
- F. Sangat memuaskan
- G. Satu pencapaian

Soal selidik ini diadaptasi dari Jinjing WANG <https://apliut.revues.org/5223> dan Roshidah Hassan <http://doi.org/10.17576/gema-2017-1701-08>

TERIMA KASIH